

# Bank Muamalat, SPKAL jalin kerjasama

UB 19/02/2012

B12

LABUAN: Bank Muamalat Sdn Bhd telah menjalankan hubungan dengan Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL) melalui penganjuran ceramah Pengurusan Kewangan Islam di Podium B, Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) kelmarin.

Dua sesi ceramah telah disampaikan oleh Penolong Kanan Timbalan Presiden dan Ketua Unit Pembangunan Perniagaan Bank Muamalat, Kuala Lumpur, Ghazali Ismail yang bertajuk "Pengurusan Kewangan Islam" manakala Pengurus Jabatan Syariah Bank Muamalat, Mohd Izuwan Mahyudin menyampaikan ceramah "Riba: Kesannya Dalam Kehidupan".

Turut hadir Pengurus Bank Muamalat Cawangan Labuan, Wahab Taif,



**NORAZAH (dua kiri) menyampaikan cenderamata kepada Md Izuwan. Turut kelihatan Ghazali (duakanan) dan Wahab (kanan).**

Penolong Pendaftar Kanan Pentadbiran UMS-KAL, Musnin Mattersah dan Penolong Pendaftar SPKAL, Mas Adi Alimin.

Ceramah yang berlangsung selama dua jam itu turut dimeriahkan dengan kehadiran 80 pelajar Kolej Matrikulasi Labuan (KML), parapensyarah dan

ketua jabatan kerajaan.

Pemangku Dekan SPKAL, Prof Madya Dr Norazah Mohd Suki berkata program ceramah itu merupakan julung kali dianjurkan oleh SPKAL sebagai salah satu program khidmat masyarakat kepada warga Wilayah Persekutuan Labuan.

Katanya, penganjuran seperti itu amat baik dalam memperkembangkan ilmu pengetahuan dan memperkuatkan ilmu di samping memperingati tanggungjawab masing-masing terhadap pengurusan kewangan Islam.

Beliau berharap masyarakat Islam khasnya di Wilayah Persekutuan Labuan termasuk pelajar akan terus memberikan sokongan kepada isu-isu yang berkaitan pengurusan Islam seperti amalan riba yang sering diperkatakan oleh masyarakat Islam di negara ini.

Norazah berkata, SPKAL akan terus melaksanakan lebih banyak program khidmat masyarakat bagi membantu masyarakat setempat memperolehi lebih banyak ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang kehidupan.